

Soalan No: 8

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD
[BUKIT GANTANG]**

TARIKH : 25.7.2017

SOALAN :

Tuan Idris Bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah Kementerian hendak menempatkan pembantu guru yang secukupnya di seluruh negara untuk menyelesaikan kerja-kerja perkeranian sebagai satu usaha untuk membolehkan guru-guru hanya menumpukan tugas pembelajaran dan pengajaran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin dengan kebajikan guru-guru terutama melibatkan skop atau bidang tugas hakiki guru. KPM juga menyedari kompleksiti tugas guru yang bukan berkaitan aspek pengajaran termasuklah perkeranian yang boleh menjejaskan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini KPM meneruskan usaha menempatkan pembantu guru di sekolah-sekolah bermula di Kedah dan Melaka bagi tahun 2017. Seramai 421 orang Pekerja Sambilan Harian

telah dilanjutkan perkhidmatan sehingga September 2017. Penempatan pembantu guru di seluruh negara ini akan dilaksanakan bergantung kepada kelulusan agensi pusat dan kedudukan kewangan kerajaan.

RJM11